

# Rayuan bantu Islam Filipina

Oleh Kamal Ahmad

31 JAN 1993

SUBANG JAYA: Filipina meminta Malaysia membantu pembangunan umat Islam terutama di selatan republik itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, dalam pertemuan beliau dengan Presiden Fidel V Ramos yang melakukan lawatan empat hari ke Malaysia berakhir semalam, pemimpin Filipina itu mahu Malaysia membantu mencari sumber kewangan termasuk daripada Bank Pembangunan Islam (IDB).

"Orang Islam turut menjadi penduduk minoriti di beberapa negara di seluruh dunia yang diperintah bukan Islam. Kita mesti terima hakikat bukan Islam sebagai minoriti dalam negara Islam.

"Dalam soal penduduk Islam di Filipina, kita dijemput membangunkan penduduk Islam di negara itu. Secara perlahan-lahan Kerajaan Filipina

yang dikuasai Kristian Katholik, menyedari perlunya mereka berlaku adil kepada penduduk Islam.

"Dalam lawatan Presiden Ramos ke sini, kami berbincang mengenai masalah itu. Beliau mahu Malaysia membantu pembangunan di beberapa kawasan tertentu yang majoriti penduduknya Islam.

"Kita bukan mahu membantu membebaskan mereka tetapi memastikan mereka hidup sebagai orang Islam dengan kemudahan untuk beribadat serta mencari bantuan dari negara Islam dan IDB untuk mempertingkatkan mutu hidup mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan dalam dialog dengan peserta persidangan antarabangsa ketujuh Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY), di sini, semalam. Menurut, kerajaan

juga sedang berusaha membantu penduduk Islam di sekitar Manila mendapatkan tanah perkuburan dan membina masjid yang tidak ada sama sekali ketika ini.

Mengenai pendedahan kefahaman Islam kepada penduduk bukan Islam di negara ini, Dr Mahathir berkata Islam tidak memaksa seseorang memeluk agama itu tetapi kerajaan melaksanakan pendekatan lebih praktikal dengan mendedahkan bukan Islam dengan kefahaman mengenai Islam.

Antara usaha itu ialah penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Menurutnya, lebih 60 peratus penduduk negara ini beragama Islam manakala bakinya beragama Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain.

"Kita mahu membuktikan bahawa apabila penduduk majoriti Islam menguasai pemerintahan,

mereka berlaku adil kepada bukan Islam. Kita juga berharap di mana penduduk Islam minoriti, pemerintah bukan Islam berlaku adil kepada orang Islam.

"Pendekatan kerajaan mengenai Islam kepada penduduk bukan Islam ialah kita mesti membuktikan bahawa Islam juga boleh membawa kepada kejayaan dan kemajuan. Kita tidak memaksa memeluk Islam kerana cara itu tidak adil," katanya.

Mengenai usaha mencari keamanan di Kemboja, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak berhak menentukan supaya rakyat negara itu memilih pemimpin.

"Rakyat Kemboja bebas memilih siapakah pemimpin yang mereka mahu sokong sebagai mana kita mahu rakyat negara ini bebas memilih kerajaan yang tidak ditentukan oleh orang luar," katanya.